



# SIARAN MEDIA

---

## PERJANJIAN KONSESI PELAKSANAAN SISTEM e-TANAH SECARA KERJASAMA AWAM SWASTA BAGI NEGERI MELAKA

---

Perjanjian Konsesi Pelaksanaan Sistem e-Tanah Secara Kerjasama Awam Swasta bagi Negeri Melaka telah ditandatangani hari ini oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, yang mewakili Kerajaan Persekutuan, Yang Berhormat Dato' Azhar bin Haji Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka mewakili Kerajaan Negeri Melaka dan Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengerusi Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd selaku syarikat konsesi bagi projek ini. Majlis tersebut telah disaksikan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan Encik Nigel Lee, Ketua Pegawai Eksekutif Puncak Tegap Sdn Bhd. Majlis telah diadakan di Putrajaya.

Pelaksanaan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta di Negeri Melaka adalah secara komprehensif iaitu merangkumi pembangunan sistem berdasarkan 9 modul pentadbiran tanah yang akan digunapakai secara seragam di semua Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Melaka. Sistem e-Tanah merupakan sistem yang dibangunkan secara dinamik berdasarkan keperluan dan kesesuaian di negeri dengan berpaksikan perundangan yang berkuat kuasa seperti Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara dan undang-undang lain yang berkaitan.

Melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta, skop projek tidak hanya terhad kepada pembangunan sistem tetapi juga merangkumi pembekalan perkakasan dan perisian termasuk penyelenggaraan di sepanjang tempoh konsesi, *technology refresh*, latihan yang berterusan serta pemindahan teknologi kepada warga kerja pentadbiran tanah negeri Melaka.

Sejajar dengan evolusi teknologi terkini dan penggunaan telefon pintar yang semakin meluas, skop pelaksanaan Sistem e-Tanah di negeri Melaka akan turut melibatkan pelaksanaan penyediaan aplikasi mudah alih (mobile application). Melalui aplikasi mudah alih, akses kepada Sistem e-Tanah akan lebih mudah dan pantas serta menjadi platform interaksi maya di antara para pengguna dengan pentadbiran tanah negeri Melaka bagi meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan pentadbiran tanah.

Pelaksanaan Sistem e-Tanah merupakan salah satu bukti komitmen berterusan kerajaan MADANI melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang telah menetapkan iltizam untuk meningkatkan mutu dan kualiti dalam sistem pentadbiran negara melalui pendigitalan bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. Ini merupakan satu usaha yang pragmatik sejajar dengan kepesatan pembangunan dan cabaran era digital yang menuntut pelaksanaan sistem yang lebih komprehensif dan mesra pengguna.

NRES sentiasa komited dalam mendukung aspirasi Kerajaan MADANI dan akan terus menerajui pelbagai usaha untuk memastikan pentadbiran tanah adalah cekap melalui mekanisme tindakan bersepadu merangkumi penggubalan dasar, perundangan, serta pengukuhan kolaborasi strategik melibatkan pihak berkepentingan di semua peringkat.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 6 NOVEMBER 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia